



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 P.U. (A) 358/1996 PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 1996

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan:

1 Ogos 1996
1 Ogos 1996

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Mukadimah

- Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
- Peraturan 2. Pindaan fasal 23 Jadual G.
- Peraturan 3. Pindaan perenggan 4 Jadual Ketiga Jadual G.
- Peraturan 4. Pindaan fasal 26 Jadual H.
- Peraturan 5. Pindaan perenggan 4 Jadual Ketiga Jadual H.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 188*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 1996.

2. Pindaan fasal 23 Jadual G.

Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [*P.U.(A) 58/59*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, adalah dipinda dalam fasal 23 Jadual G dengan menggantikan perkataan "dua belas (12)" dengan perkataan "lapan belas (18)".

3. Pindaan perenggan 4 Jadual Ketiga Jadual G.

Jadual Ketiga Jadual G Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dalam subperenggan 4(b) dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "lapan belas".

4. Pindaan fasal 26 Jadual H.

Fasal 26 Jadual H Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua belas (12)" dengan perkataan "lapan belas (18)".

5. Pindaan perenggan 4Jadual Ketiga Jadual H.

Jadual Ketiga Jadual H Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dalam subperenggan 4(b) dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "lapan belas"

Dibuat 19 Julai 1996.
[KPKT (S) 01/8/7 Jld. VII; PN. (PU²) 31/V.]

DATO' DR. TING CHEW PEH,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan